

Kajian bina Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 siap 15 Mei

KUALA LUMPUR – Kajian kemungkinan pembinaan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) Fasa 3 yang telah dijalankan pada 15 Julai 2007 dijangka siap pada 15 Mei ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Yong Khoo Seng berkata, LPT 3 merupakan sambungan dari LPT 2

di Kuala Terengganu, Terengganu ke Pengkalan Kubor, Kelantan.

"Cadangan jajaran lebuhraya sepanjang 150 kilometer ini akan melalui daerah Kuala Terengganu, Daerah Setiu, Besut, Jajaran Pasir Puteh, Jajahan Bachok, Jajahan Kota Bharu, Jajahan Pasir Mas sebelum berakhir di jajahan

Tumpat.

"Kementerian sedia maklum keperluan pembinaan LPT dalam mewujudkan rangkaian perhubungan yang berkesan di antara Pantai Timur dan Pantai Barat semenanjung serta meningkatkan rangkaian jalan sedia ada," katanya dalam Persidangan

Dewan Negara di sini, semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Senator Datuk Ahmad Rusli Ibrahim ingin tahu status dan perancangan LPT dalam mewujudkan rangkaian perhubungan berkesan.

Menurutnya, Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) yang

menghubungkan Karak ke Kuantan telah dibuka kepada pengguna pada 1 Ogos 2004 dan kini telah disambung sehingga ke Jabor manakala Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2) iaitu sambungan daripada LPT 1 ke Kuala Terengganu sedang dalam pembinaan.